

**MINIT MESYUARAT PERBINCANGAN BERSAMA PENERUSI MENGENAI PINDAH KREDIT UNTUK PELAJAR  
KEJURUTERAAN BAGI KURSUS MOOC MANDARIN UTeM**

**PADA HARI JUMAAT 2 MAC 2018, JAM 10:30 PAGI  
DI BILIK MESYUARAT ENGINEERING ACCREDITATION DEPARTMENT, BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA, TINGKAT 9 KELANA PARK VIEW  
TOWER NO. 1 JALAN SS 6/2, KELANA JAYA 47301 PETALING JAYA, SELANGOR.**

- HADIR** :
1. Y.Bhg. Ir. Profesor Madya Abdul Aziz Omar (Pengarah EAD) - Pengerusi
  2. Y.Bhg. Profesor Dr. Sazilah Salam (Pengarah PSTP, UTeM)
  3. Y.Bhg. Profesor Ir. Dr. Kenneth a/l Sundaraj (Panel EAC)
  4. Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Norasiken Bakar (UTeM) – Pencatat Minit
  5. En. Ahmad Fadzli Nizam Abdul Rahman (UTeM)

<b>NO. MINIT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PERBINCANGAN/PENERANGAN</b>	<b>PERAKUAN/KEPUTUSAN</b>	<b>TINDAKAN</b>
1.1	Kata aluan dari Pengerusi	Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah serta ucapan terima kasih atas kedatangan rombongan dari UTeM untuk memperbincangkan mengenai prosedur pindah kredit MOOC bagi pelajar kejuruteraan bagi kursus MOOC Mandarin UTeM.	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli
1.2	Tujuan utama perbincangan	Pengarah PSTP telah menerangkan mengenai tujuan utama perbincangan adalah mengenai pemurnian prosedur pindah kredit MOOC untuk pelajar kejuruteraan UTeM yang diakreditasi oleh pihak EAC. (Rujuk Slide 2).	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli
1.3	Latar belakang	Pengarah PSTP telah menerangkan secara ringkas dan padat mengenai: 1. MOOCs ( <i>Massive Open Online Courses</i> ) adalah kursus-kursus atas talian yang terbuka untuk kegunaan 10,000 hingga 100,000 pelajar di mana sahaja pada bila-bila masa. Contoh platform MOOCs sedia ada adalah Coursera, edX, Udacity dan OpenLearning. (Rujuk Slide 3).	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli

1.4	Kronologi Pindah Kredit MOOC di UTeM	<p>Pengarah PSTP telah menerangkan kronologi pindah kredit MOOC di UTeM :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. KPT telah melancarkan 4 MOOC Rintis iaitu bagi subjek TITAS, Hubungan Etnik, ICT Kompetensi dan Keusahawanan. (Rujuk Slide 4).</li> <li>2. Bermula Sept. 2015 penawaran MOOC di UTeM secara pembelajaran teradun dengan bersekemuka dan atas talian. (Rujuk Slide 4).</li> <li>3. Pada 22 Sept. 2015 MQA telah mengeluarkan satu garis panduan pindah kredit MOOC yang mana ianya telah dilancarkan oleh Menteri KPT. Semua UA perlu melaksanakan pindah kredit MOOC. (Rujuk Slide 4).</li> <li>4. Pada 26 Okt. 2017 Mesyuarat Senat UTeM telah meluluskan kertas kerja prosedur pindah kredit MOOC UTeM tetapi hanya untuk pelajar yang bukan kejuruteraan. Manakala pindah kredit MOOC untuk pelajar kejuruteraan telah ditangguhkan. (Rujuk Slide 4).</li> <li>5. Pada 6 Dec. 2017 Mesyuarat Senat UTeM telah meluluskan penawaran Kursus Mandarin untuk pindah kredit. (Rujuk Slide 4).</li> </ol>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli
1.5	MOOC UTeM	<p>Pengarah PSTP telah menerangkan di UTeM sehingga kini, sebanyak 10 kursus MOOC telah dibangunkan dan 8 kursus telah mula ditawarkan secara pembelajaran teradun (<i>blended learning</i>). (Rujuk Slide 5).</p>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli
1.6	Garis Panduan Pindah Kredit MOOC MQA	<p>Pengarah PSTP telah menerangkan mengenai:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Garis panduan pindah kredit MOOC ini bertujuan memberikan panduan umum kepada semua IPT untuk mengiktiraf pelajar dan bakal pelajar yang telah menamatkan kursus secara MOOC. (Rujuk Slide 6).</li> <li>2. Garis panduan ini berdasarkan prinsip pengiktirafan pembelajaran terdahulu dan seiring dengan anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 iaitu inisiatif pembelajaran atas talian secara global. (Rujuk Slide 6).</li> <li>3. Pihak MQA juga telah mengeluarkan garis panduan APEL atau Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu. (Rujuk Slide 7).</li> <li>4. APEL terbahagi kepada dua (2) iaitu APEL (A) bagi tujuan akses dan APEL (C) bagi tujuan penganugerahan kredit. (Rujuk Slide 7).</li> <li>5. MOOC dan lain-lain kaedah pembelajaran sendiri adalah termasuk dalam kategori APEL (C) iaitu kategori pembelajaran</li> </ol>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli

		<p>secara non-formal dan informal. (Rujuk Slide 7).</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>6. Dalam hal pindah kredit MOOC tanpa gred (PKMT), pihak MQA telah mengeluarkan kenyataan bahawa pihak Universiti masing-masing boleh menganugerahkan pindah kredit MOOC tanpa gred (PKMT) kepada para pelajar yang telah mengikuti kursus MOOC yang telah dikenalpasti tanpa perlu mewujudkan pusat APEL(C) di institusi masing-masing terlebih dahulu. (Rujuk Slide 8).</li> <li>7. Kelulusan ini bergantung kepada kelulusan Senat universiti masing-masing. (Rujuk Slide 8).</li> <li>8. PKMT PKMT hanya memberikan nilai kredit untuk tujuan pengijazahan tanpa memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred (GPA) dan purata nilai gred kumulatif (CGPA). (Rujuk Slide 9).</li> <li>9. Kredit PKMT ini akan dikira sebagai kredit dapat (KD) untuk tujuan pengijazahan sahaja. (Rujuk Slide 9).</li> </ol>		
1.7	Pelaksanaan Pindah Kredit MOOC Tanpa Gred (PKMT) di UTeM	<p>Pengarah PSTP telah menerangkan pelaksanaan Pindah Kredit MOOC Tanpa Gred (PKMT) di UTeM di antaranya ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebagai contoh, untuk kes pemindahan kredit tanpa gred secara menegak, pelajar lepasan Diploma layak memohon pemindahan kredit secara menegak di UTeM sebanyak maksima 30% apabila menyambung pengajian ke peringkat ijazah. Pelajar ini juga layak untuk memohon mendapatkan tambahan pemindahan kredit sebanyak 30% lagi melalui pemindahan kredit MOOC (PKMT). Ini menjadikan secara keseluruhannya, pelajar tersebut layak memohon sebanyak 60% pemindahan kredit untuk pengajian pelajar tersebut di peringkat ijazah. Jumlah had kredit maksima untuk PKM untuk semua peringkat Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). (Rujuk Slide 4).</li> <li>2. Selain dari MQA, UTeM juga tertakluk kepada polisi pindah kredit untuk akreditasi oleh pihak EAC. (Rujuk Slide 12).</li> <li>3. Jawatankuasa Task Force Pindah Kredit MOOC (JKTPKM) UTeM telah mengambilkira kedua-dua keperluan MQA &amp; EAC dalam membuat cadangan prosedur pindah kredit MOOC ini. (Rujuk Slide 12).</li> <li>4. Bagi pelajar UTeM &amp; calon pelajar UTeM yang mengikuti program yang tertakluk kepada akreditasi MQA sahaja, pelajar &amp; calon pelajar UTeM yang telah menamatkan kursus MOOC dan memperolehi sijil tamat MOOC (certificate of completion) boleh memohon untuk menduduki ujian kompetensi MOOC untuk memohon pindah kredit MOOC bagi kursus tersebut. Pindah kredit yang dibenarkan adalah Pindah Kredit Tanpa Gred secara vertikal dan Pindah Kredit Tanpa Gred secara horizontal iaitu</li> </ol>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli


		<p>tambahan maksima 30% daripada jumlah keseluruhan kredit program . (Rujuk Slide 14).</p> <ol style="list-style-type: none"><li>5. Bagi pelajar UTeM &amp; calon pelajar UTeM yang mengikuti program yang tertakluk kepada akreditasi MQA sahaja, pelajar &amp; calon pelajar UTeM yang telah menamatkan kursus MOOC dan memperolehi sijil tamat MOOC (certificate of completion) boleh memohon untuk menduduki ujian kompetensi MOOC untuk memohon pindah kredit MOOC bagi kursus tersebut. (Rujuk Slide 16).</li><li>6. Bagi pelajar UTeM yang mengikuti program yang tertakluk kepada akreditasi EAC, keputusan untuk membenarkan pindah kredit MOOC ditangguhkan sehingga UTeM mendapat kelulusan pihak EAC. Pelajar UTeM dikehendaki menamatkan kursus MOOC dan memperolehi sijil tamat MOOC (certificate of completion) dan akan menduduki peperiksaan akhir (iaitu ujian kompetensi MOOC yang sama seperti pelajar lain). (Rujuk Slide 17).</li><li>7. Pelaksanaan Pindah Kredit MOOC Fasa Rintis di UTeM dimulakan dengan kursus MOOC Mandarin pada semester 1 2017/2018 melibatkan seramai 419 pelajar dari Fakulti FTMK, FTK, FKM, FKP, dan FKE. (Rujuk Slide 18).</li><li>8. Syarat Am Kelayakan Pindah Kredit MOOC Tanpa Gred (PKMT) di UTeM:<ol style="list-style-type: none"><li>a) Pihak UTeM berhak menentukan kursus-kursus MOOC yang sesuai dari MOOC Malaysia (MyMOOC) atau MOOC yang lain untuk tujuan PKMT di UTeM. Senarai kursus-kursus MOOC yang diiktiraf PKMT di UTeM akan dimaklumkan dari masa ke semasa. (Rujuk Slide 19).</li><li>b) Kursus-kursus yang dibenarkan PKMT adalah tertakluk kepada kursus-kursus yang wujud dalam program-program pengajian yang ditawarkan di UTeM yang telah mendapat akreditasi dari pihak MQA sahaja. (Rujuk Slide 20).</li><li>c) PKMT yang diperolehi tidak memberi pindah kredit tanpa gred kepada kursus prasyarat kepada kursus yang dipohon pindah kredit. (Rujuk Slide 21).</li><li>d) Kursus yang telah diberikan status PKMT hanya memberikan nilai kredit untuk tujuan pengijazahan tanpa memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred (GPA) dan purata nilai gred kumulatif (CGPA). Kredit yang akan dikira adalah sebagai kredit dapat (KD) untuk tujuan pengijazahan. (Rujuk Slide 22).</li><li>e) Kursus-kursus untuk program pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan yang memerlukan pengiktirafan badan profesional seperti Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) boleh diberikan PKMT setelah mendapat kelulusan dari pihak badan profesional yang terlibat. (Rujuk Slide 23).</li></ol></li></ol>		
--	--	--	--	--

1.8	Penerangan Tentang "Fundamental of EAC Manual"	<p>Pengerusi telah meminta pandangan daripada Panel EAC yang hadir iaitu Prof. Ir. Dr. Kenneth tentang apakah yang biasa dilakukan oleh Panel EAC semasa menilai program.</p> <p>Prof. Ir. Dr. Kenneth memberitahu bahawa sebagai Panel EAC beliau akan merujuk kepada Fundamental of EAC Manual iaitu kredit SLT. Apa yang dipanggil gred atau bukan gred adalah kredit. Kredit dalam manual adalah jelas iaitu kredit SLT. Terdapat dua (2) jenis kredit SLT iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Face to face</i> (bersemuka) dan</li> <li>2. <i>Non face to face</i> (tidak bersemuka)</li> </ol> <p>Pecahan dua (2) jenis kredit SLT tersebut hendaklah mencukupi (sufficient) untuk menyampaikan kursus tersebut (to deliver the course).</p> <p>Contohnya dalam pelaksanaan kursus Mandarin ada kedua-dua jenis SLT kredit iaitu <i>face-to-face SLT</i> dan <i>non face to face SLT</i>.</p> <p>Dalam kes Mandarin, oleh kerana SLT kredit <i>non face to face</i> adalah tinggi dan <i>face to face</i> rendah. Jadi panel EAC, mungkin mudah menerima bahawa SLT kredit <i>non face to face</i> Mandarin itu mencukupi untuk pelajar menguasai kompetensi yang diperlukan, maka tidak ada masalah. Tetapi, bagi kursus kejuruteraan, jika SLT kredit <i>face to face</i> rendah dan SLT kredit <i>non face to face</i> tinggi kerana menggunakan MOOC, maka panel EAC mungkin berpendapat sukar untuk pelajar mendapat pendedahan dalam kejuruteraan kerana tidak ada <i>face to face</i>. Dalam kes ini, fakulti perlu meyakinkan panel bagaimana SLT kredit tersebut mencukupi untuk pelajar menguasai kompetensi yang diperlukan.</p> <p>Menurut Prof. Kenneth lagi, pindah kredit dengan gred atau tanpa gred itu boleh mengikut dasar/ polisi universiti. Yang penting dalam manual EAC adalah perolehan SLT kredit oleh pelajar kerana ia adalah asas dalam manual EAC.</p>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli
1.9	Penerangan SLT kredit dalam Kursus MOOC	Prof. Aziz mengukuhkan lagi pernyataan Prof. Kenneth dengan mencadangkan supaya semasa pembangunan MOOC perlu dipastikan bahawa SLT kredit kursus tradisional sama dengan SLT kredit kursus MOOC. Menurut Prof. Aziz lagi, pihak EAC tidak ada masalah untuk membenarkan penyampaian kursus secara MOOC. Malah, dalam	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli

		<p>manual EAC ada menyebut mod penyampaian pengajaran boleh pelbagai, boleh buat apa sahaja tetapi fakulti mesti dapat buktikan bahawa SLT kredit telah dicapai, dan tunjukkan bagaimana hasil program (PO) dinilai.</p>		
1.10	<i>Minimal Manual Requirement</i>	<p>Menurut beliau lagi, EAC sekarang telah matang dan memberi ruang (<i>give way</i>). Contoh EAC telah meluluskan kebenaran untuk fakulti menggunakan APEL(C). ini bermaksud, bagi EAC, selagi fakulti boleh membuktikan hasil program tercapai dan jam kredit mencukupi, maka pihak EAC tiada halangan.</p> <p>Tambah beliau lagi, sekiranya beliau melawat sebagai penilai fakulti, beliau akan berkata fakulti hendaklah membuktikan bahawa hasil program telah tercapai, apa saja yang fakulti maklumkan fakulti perlu buktikan bahawa fakulti telah mencapai keperluan minima manual (<i>minimal manual requirement</i>). Malah fakulti boleh mendapat 6 tahun hanya dengan mencapai keperluan minima manual.</p>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli
1.11	Sifat Terbuka Manual EAC	<p>Menurutnya lagi, dalam latihan panel EAC, biasanya jurulatih akan berkata kepada panel EAC yang dilatih supaya fakulti perlu menterjemahkan manual EAC, dan meyakinkan penilai EAC. Itu sahaja. Ini adalah kerana manual EAC bersifat terbuka.</p> <p>Contohnya OBE, <i>Outcome Based Calculation</i> di UA di Malaysia sekarang ini semuanya sama sahaja. Pengerusi menegaskan ia adalah salah kerana <i>Outcome Based Calculation</i> untuk setiap UA tidak sepatutnya sama.</p>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli
1.12	Kaedah Pindah Kredit Bergred dalam Manual EAC	<p>Pengerusi memberi contoh bagaimana pelaksanaan pindah kredit bergred boleh dilakukan.</p> <p>Contoh: Seorang pelajar kejuruteraan pergi belajar di luar negara. Selepas dua (2) tahun dia balik ke Malaysia kerana kos pengajian yang tinggi dan pelajar tersebut hendak masuk ke UTeM. Sekiranya UTeM hendak mengambil pelajar tersebut dengan bergred maka UTeM boleh menyatakan syarat bahawa pelajar tersebut mesti mendapat sekurang-kurangnya <i>second class upper</i>. Inilah gred yang dimaksudkan. Sekiranya pelajar adalah pelajar <i>mechanical</i> maka UTeM boleh membenarkan pelajar untuk pindah kredit subjek <i>Mechanics</i>, Thermo Fluid I, Thermo Fluid II dan lain-lain yang berkaitan. Jadi semasa Tahun tiga (3) pelajar boleh terus mengambil Advance Thermo Fluid tanpa mengulang semula Thermo Fluid I dan Thermo Fluid II.</p>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli

		<p>Pengerusi menegaskan lagi, inilah yang dipanggil pindah kredit bergred. Tiada gred dibawa pindah kerana gred di universiti luar negara adalah berbeza dengan gred di UA di Malaysia.</p> <p>Pengerusi mengukuhkan lagi penerangannya dengan menyatakan bahawa dalam manual EAC <b>pindah kredit boleh dilakukan tetapi tiada dinyatakan tentang gred.</b></p>		
1.13	Pengecualian Kredit	<p>Seterusnya Pengerusi menerangkan tentang pengecualian kredit. Menurut Pengerusi pengecualian kredit adalah berbeza dari pindah kredit. Sekiranya pengecualian kredit secara menegak (<i>vertical</i>) dibuat, ini bermakna pelajar boleh meneruskan program yang sama tetapi pada aras (<i>level</i>) yang berbeza.</p> <p>Contoh: 30 kredit dari program Diploma dikecualikan dalam program Ijazah Sarjana Muda. Beliau berkata lagi, melalui pengecualian kredit ini pelajar telah mengambil ke semua kursus yang telah dikecualikan tersebut jadi pelajar tidak perlu mengambil semula semasa peringkat Ijazah Sarjana Muda. Dalam kes ini gred tidak diterima kerana gred bagi subjek peringkat Diploma tidak di bawa pindah sebagai gred subjek yang dikecualikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda.</p>	Mesyuarat mengambil maklum.	Makluman semua ahli

Disediakan oleh :



PROF. MADYA DR.  
NORASIKEN BAKAR

Pencatat Minit

Tarikh : 23 Mei 2018

Disemak oleh :




PROFESOR DR. SAZILAH SALAM

Pengarah PSTP

Tarikh : 23/05/2018

Diluluskan oleh :



Y.BHG. IR. PROFESOR MADYA ABDUL AZIZ OMAR

Pengerusi

Tarikh : 23/5/18

Ir. Assoc. Prof. Abdul Aziz Omar  
Director  
Engineering Accreditation Department  
Engineering Accreditation Council  
BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA